

NIAT DAN DOA-DOA RAMADHAN

Niat Puasa :

نَوَيْتُ صَوْمَ غَدٍ عَنْ أَدَاءِ فَرَضِ شَهْرِ رَمَضَانَ
هَذِهِ السَّنَةِ لِلَّهِ تَعَالَى.

Ertinya: “Sengaja aku berpuasa esok hari untuk menunaikan fardhu Ramadhan tahun ini kerana Allah S.W.T.”

Sunnat dibaca sesudah berbuka puasa :

اللَّهُمَّ لَكَ صُمْتُ، وَبِكَ آمَنْتُ، وَعَلَى
رِزْقِكَ أَفْطَرْتُ ذَهَبَ الظَّمَأُ ، وَابْتَلَّتْ
الْعُرُوقُ، وَتَبَتَ الأَجْرُ إِنْ شَاءَ اللهُ.

Ertinya: “Ya Allah, untuk Mu aku berpuasa, padaMu ku beriman, diatas rezekiMu aku berbuka, telah pergi kehausan, telah basah saluran-saluran darah (tekak) dan telah tetap pahala disisiMu insya-Allah.”

AMALAN-AMALAN PADA BULAN RAMADHAN :

Dari 1 hingga 10 Ramadhan :

اللَّهُمَّ ارْحَمْنِي يَا أَرْحَمَ الرَّاحِمِينَ.

Ertinya: “Ya Allah, Ya Tuhanku! Kurniakan kepada ku rahmat kerana Engkau sahaja yang dapat memberi rahmat.”

Dari 11 hingga 20 Ramadhan :

اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِي ذُنُوبِي يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ.

Ertinya: “Ya Allah, Ya Tuhanku! Ampunilah dosaku, Ya Tuhan Pentabir semesta alam.”

Dari 21 hingga akhir Ramadhan:

اللَّهُمَّ اعْتِقْنِي مِنَ النَّارِ وَأَدْخِلْنِي جَنَّاتِكَ
يَا رَبَّ الْعَالَمِينَ، بِرَحْمَتِكَ يَا أَرْحَمَ
الرَّاحِمِينَ.

Ertinya: “Ya Allah, Ya Tuhan! Bebaskan aku dari siksa api neraka dan masukkan aku ke dalam syurga Engkau Ya Tuhan Pentadbir semesta alam, dengan rahmat Engkau, kerana Engkau sahaja yang dapat memberi rahmat.”

Sunnat diperbanyakkan membaca sebelum berbuka puasa, dengan harapan memohon keampunan dari Allah berkat bulan yang mulia:

يَا عَظِيمُ يَا عَظِيمُ أَنْتَ إِلَهِي لَا إِلَهَ غَيْرُكَ،
اغْفِرْ لِي الذَّنْبَ الْعَظِيمَ، فَإِنَّهُ لَا يَغْفِرُ
الذَّنْبَ الْعَظِيمَ إِلَّا الْعَظِيمُ.

Ertinya: “Ya Allah, Ya Tuhan yang Maha Besar, yang Maha Besar Engkau adalah Tuhanku tidak ada Tuhan selain dari Engkau, ampunilah dosaku yang besar, sesungguhnya tiada yang dapat mengampunkan dosa yang besar melainkan Engkau yang Maha Besar.”

Sunnat diamalkan pada siang dan malam Ramadhan terutama pada 21 puasa hingga akhirnya:

أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ، أَسْتَغْفِرُ اللَّهَ،

نَسْأَلُكَ الْجَنَّةَ وَنَعُوذُ بِكَ مِنَ النَّارِ. (3X).
اللَّهُمَّ إِنَّكَ عَفُوفٌ تُحِبُّ الْعَفْوَ فَاعْفُ
عَنَّا. (3X) يَا كَرِيمُ.

Ertinya: “*Aku naik saksi tiada Tuhan melainkan Allah, aku memohon ampun dari Allah. Kami memohon kepada Engkau, dan kami berlindung dengan Engkau dari neraka (3X). Ya Allah, ya Tuhan! Sesungguhnya Engkau Maha Pengampun, Maha Mulia suka memberi keampunan, ampunilah kami. (3X). Wahai Tuhan yang Maha Mulia.*”

* * * * *

DOA PENUTUP MAJLIS :

Sunnah Rasulullah s.a.w. membaca sebagai penutup musyawarah atau majlis :

سُبْحَانَكَ اللَّهُمَّ وَبِحَمْدِكَ أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا أَنْتَ أَسْتَغْفِرُكَ وَأَتُوبُ إِلَيْكَ.

“Maha Suci Engkau wahai Tuhanku dengan memuji Engkau saya bersaksi bahawasanya tidak ada Tuhan melainkan Engkau. Aku bermohon ampun kepadaMu dan aku bertaubat kepadaMu.”

* * * * *

[الْحَمْدُ لِلَّهِ أَوْلَىٰ وَأَخْرًا]